

1. Masalah antara pekerja itu tidak dapat diatasi kerana mereka enggan _____ dalam _____ yang dipertikaikan.

- ☐ A bertimbang rasa
- ☐ B bertolak ansur
- ☐ C berurus niaga
- ☐ D bersatu padu

2. Perdana Menteri mengadakan _____ untuk menjelaskan hasil perbincangannya dengan Perdana Menteri Singapura.

- ☐ A sidang pengarang
- ☐ B sidang kemuncak
- ☐ C sidang pembaca
- ☐ D sidang akhbar

3. _____ hatinya apabila mengetahui bahawa tali pertunangannya telah diputuskan oleh pihak lelaki.

- ☐ A Hancur lebur
- ☐ B Rosak binasa
- ☐ C Resah gellisah
- ☐ D Patah semangat

4. Banyak orang yang mengatakan bahawa _____nya adalah daripada keturunan Sultan Melaka.

- ☐ A adat istiadat
- ☐ B gagah berani
- ☐ C cerdik pandai
- ☐ D nenek moyang

5. Calon angkasawan itu akan menjalani latihan di suatu kawasan yang keadaannya sama seperti di _____ yang sebenar.

- ☐ A ruang tamu
- ☐ B ruang legar
- ☐ C ruang niaga
- ☐ D ruang angkasa

6. Pihak polis akan _____ usaha bagi menumpaskan sindiket curi kereta mewah di sekitar Lembah Klang.

- ☐ A mencampuradukkan
- ☐ B menambahbaikkan
- ☐ C mengemaskinikan
- ☐ D melipatgandakan

7. Kebanyakan peniaga di pasar basah itu didenda kerana tidak meletakkan _____ pada barang jualan mereka.

- ☐ A tanda hati
- ☐ B tanda tanya
- ☐ C tanda harga
- ☐ D mercu tanda

8. Kerja-kerja _____ minyak di persisiran pantai Miri itu dijangka akan selesai tidak _____ lagi.

- ☐ A menyusun atur
- ☐ B membaik pulih
- ☐ C menarik balik
- ☐ D mencari gali

9. Para pencinta bahasa menyarankan agar penggunaan _____ dalam iklan haruslah dikawal.

- ☐ A bahasa badan
- ☐ B bahasa pasar
- ☐ C bahasa baku
- ☐ D bahasa rojak

10. Pak Cik Budi sering terlupa jalan untuk pulang ke rumahnya kerana _____nya semakin lemah.

- ☐ A daya fikir
- ☐ B daya tahan
- ☐ C daya penarik
- ☐ D daya ingatan

11. "Tidak mungkin jualan _____nya laris pada musim hujan begini," kata Zaid kepada Fatimah.

- ☐ A air batu
- ☐ B batu api
- ☐ C mata air
- ☐ D tepung tawar

12. Subjek Sains dan Matematik sememangnya diakui penting dan menjadi _____ kepada kecemerlangan murid.

- ☐ A garis pusat
- ☐ B tanda aras
- ☐ C kayu ukur
- ☐ D uji kaji

13. Ayah _____ kereta itu sebelum membuat keputusan untuk membelinya.

- ☐ A memandu uji
- ☐ B mengambil alih
- ☐ C mengubah suai
- ☐ D mengawal sella

14. Suraya dan keluarganya amat _____ kepada penduduk kampung yang menghulurkan bantuan kepada mereka.

- ☐ A bertitik tolak
- ☐ B berjiwa besar
- ☐ C bertolak ansur
- ☐ D berterima kasih

15. Ayah saya gemar makan _____ apatah lagi jika dimasak oleh nenek.

- ☐ A otak udang
- ☐ B udang galah
- ☐ C galah panjang
- ☐ D galah cangghah



16. Ketiga-tiga buah syarikat tersebut mengadakan _____ untuk membina kilang tekstil di kawasan perindustrian itu.

- ☐ A taat setia
- ☐ B janji temu
- ☐ C gabung jalin
- ☐ D usaha sama

17. Permohonan kamu ini akan dipertimbangkan, bergantung pada _____ pegawai yang bertanggungjawab.

- ☐ A suai kenal
- ☐ B tolak ansur
- ☐ C budi bicara
- ☐ D budi bahasa

18. Nadhirah tidak gemar menonton filem seram kerana dia _____.

- ☐ A lemah longlai
- ☐ B lemah lembut
- ☐ C lemah gemalai
- ☐ D lemah semangat

19. "Kalian mesti hadir dalam majlis _____ dengan pengetua malam ini," kata warden asrama kepada murid-murid baharu itu.

- ☐ A soal jawab
- ☐ B suai kenal
- ☐ C temu bual
- ☐ D janji temu

20. Orang ramai diingatkan supaya berhati-hati ketika _____ gambar ke laman sosial.

- ☐ A memuat naik
- ☐ B memuat turun
- ☐ C menyusun atur
- ☐ D mereka bentuk